

28 NOV 2001

Bas-Raya

TRANSNASIONAL SEDIA BAS MENCUKUPI UNTUK MUSIM PERAYAAN

KUALA TERENGGANU, 28 Nov (Bernama) -- Syarikat bas ekspres Transnasional memberikan jaminan menyediakan bas yang mencukupi bagi memenuhi keperluan orang ramai untuk pulang ke kampung halaman menjelang Aidilfitri, kata Eksekutif Operasi Transnational Terengganu, Mahathir Ahmad Sanadi.

Menurutnya orang ramai yang ingin pulang ke kampung halaman untuk musim perayaan tahun ini masih berpeluang mendapatkan tiket bas syarikat yang masih lagi dijual.

"Kebanyakan tiket terutama sektor Kuala Terengganu-Kuala Lumpur, masih lagi dijual dan orang ramai tidak perlu bimbang mengenai perkara itu," katanya kepada Bernama di sini hari ini.

Mahathir berkata walaupun jualan tiket ke semua destinasi seluruh negara telah bermula sejak sebelum Ramadan lagi, namun tiket-tiket perjalanan untuk musim perayaan ini masih ada.

Menurutnya Transnational setakat ini belum membuat keputusan mengenai jumlah bas tambahan yang akan digunakan untuk musim perayaan tahun ini yang bergantung kepada permintaan orang ramai.

Mahathir berkata tahun lepas, Transnasional menyediakan lima buah bas tambahan dan tahun ini jumlah itu dijangka tidak jauh berubah.

"Kita jangka jumlah penumpang bas untuk menyambut Aidilfitri tahun ini tidak banyak berubah dan kami yakin kami akan dapat menampung keperluan itu," katanya.

Ditanya mengenai usaha membanteras ulat tiket, Mahathir berkata syarikat memberi jaminan bahawa Transnasional bebas daripada gejala itu terutama sejak mereka menggunakan sistem tiket komputer hampir tiga bulan lepas.

"Kita tidak mungkin terlibat dengan ulat tiket kerana sistem komputer yang kita laksanakan mampu menangani masalah tersebut," katanya.

-- BERNAMA  
AYB HIS LAT